

GAYA LUAR BIASA



Selepas DXN mengumumkan perjanjian penyewaan pesawat bernilai RM27 juta dengan pihak berkaitan, MSWG menerima aduan daripada beberapa pemegang saham minoriti yang tidak berpuas hati. Mereka menyuarakan kebimbangan terhadap transaksi pihak berkaitan ini serta harga sewaan yang dipersetujui.

> **Sorotan Penting
MSWG**

Muka 5

> **Tinjauan Mingguan
AGM/EGM MSWG**

Muka 6

SEWAAN PESAWAT DENGAN PIHAK BERKAITAN DXN UNDANG KRITIKAN PEMEGANG SAHAM

DXN Holdings Bhd., sebuah syarikat jualan langsung yang beroperasi hingga ke Amerika Latin, kini menjadi tumpuan apabila mereka menyewa sebuah pesawat korporat bernilai AS\$6 juta (kira-kira RM27 juta) melalui transaksi pihak berkaitan (*related party transaction*, RPT). Persoalannya, adakah tindakan ini wajar demi pelan pengembangan perniagaan syarikat?

Pemegang saham minoriti mempertikaikan justifikasi syarikat yang tersenarai di Pasaran Utama Bursa Malaysia itu untuk meneruskan skim sewaan ini. Keadaan menjadi lebih rumit apabila mereka mendapat tahu bahawa pesawat korporat Gulfstream G550 tersebut dimiliki bersama oleh Pengerusi Eksekutifnya iaitu Datuk Lim Siow Jin.

Dalam pemfailan kepada Bursa Malaysia bertarikh 6 November 2024, pengeluar suplemen kesihatan itu mendedahkan bahawa anak syarikatnya, DXN Aero Nautic Sdn. Bhd., telah menandatangani perjanjian penyewaan pesawat dengan Luxaviation San Marino Srl dan ExecuJet Asia Pte Ltd dengan penerbangan minimum 300 jam untuk tempoh sehingga 12 bulan.

Walaupun perjanjian penyewaan tersebut dimeterai antara DXN Aero dengan Luxaviation dan ExecuJet, pesawat yang disewa itu dimiliki oleh LSJ Logistics Limited, sebuah anak syarikat milik penuh LSJ Global Sdn. Bhd., yang merupakan syarikat khas pelaburan milik Datuk Lim. LSJ Global juga mengawal DXN dengan kepentingan sebanyak 68.12%.

Pesawat itu dibeli oleh LSJ Logistics Limited pada 19 April 2024 dengan harga AS\$24.5 juta. Oleh itu, perjanjian penyewaan ini dianggap sebagai RPT.

DXN diberikan dua pilihan untuk penyewaan ini. AS\$6.6 juta untuk tempoh 12 bulan atau AS\$6.15 juta secara keseluruhan jika pesawat itu dikendalikan oleh juruterbang DXN sendiri. Syarikat memilih pilihan kedua, kerana DXN kini mempunyai dua juruterbang dalaman.

Namun, kedua-dua pilihan itu memberikan mereka fleksibiliti untuk menggunakan juruterbang pengurus sewaan sekiranya berlaku kekurangan juruterbang. Langkah ini membolehkan operasi Syarikat diteruskan tanpa gangguan serta meminimumkan kos tambahan untuk menggaji juruterbang sepenuh masa.

Pembayaran sewa akan dilakukan secara tunai melalui ansuran bulanan dalam tempoh 12 bulan dan dibiayai sepenuhnya menggunakan dana dalaman syarikat.

Kos sewaan sebanyak AS\$6.15 juta ini (bersamaan kira-kira RM27 juta setahun) adalah bersamaan dengan 8.4% daripada pendapatan bersih DXN yang berjumlah RM311 juta untuk tahun kewangan berakhir 29 Februari 2024 (tahun kewangan 2024).

Menyokong Pengembangan Perniagaan

Menurut DXN, pesawat korporat ini diperlukan untuk menyokong pasukan pengurusan utama Syarikat serta ahli yang berprestasi tinggi, misalnya mereka yang sudah mencapai tahap *'crown ambassador'* (dalam skema pemasaran berbilang aras mereka). Pesawat ini juga akan memudahkan perjalanan ke bandar-bandar utama di pasaran luar negara DXN.

Syarikat berpendapat bahawa penggunaan pesawat korporat akan membantu kepimpinan mereka melibatkan diri secara efektif dengan 4.9 juta ahli aktif di seluruh dunia (setakat September 2024) melalui acara pemasaran secara bersemuka. Langkah ini dijangka mampu meningkatkan jualan di peringkat global.

DXN menyatakan bahawa sebahagian besar jualan mereka diperoleh dari luar Malaysia, dengan pasaran Amerika Latin menyumbang 57.9% daripada jumlah jualan RM1.9 bilion bagi tahun kewangan 2024, diikuti dengan Asia (25.8%), terutamanya India.

DXN juga memiliki 13 kilang pembuatan, dengan 11 terletak di luar Malaysia dan mereka bercadang untuk menambah lagi pada masa hadapan. Dua kilang sedang dibina di Bangladesh dan Nepal, yang dijangka mula beroperasi pada akhir 2024.

Pengerusi Eksekutif, Datuk Lim dalam kenyataan media berkata, pesawat korporat ini memberikan kemudahan dan fleksibiliti yang boleh meningkatkan kecekapan serta pengurusan masa berbanding penerbangan komersial, terutamanya disebabkan oleh jarak yang jauh antara lokasi utama.¹

Isu Yang Dipertikaikan

Susulan pengumuman DXN ini, MSWG menerima beberapa aduan daripada pemegang saham minoriti yang tidak berpuas hati terhadap RPT ini serta kos sewaan yang telah dipersetujui.

Reaksi pasaran jelas menunjukkan bahawa mereka tidak berpuas hati dengan urus niaga ini. Pada hari dagangan berikutnya selepas pengumuman dibuat, harga saham DXN jatuh 8.85% kepada 51.5 sen. Pada 12 November 2024, harga saham terus merosot kepada 46 sen, paras terendah sejak penyenaian pada Mei 2023 dengan harga 69 sen. Bagaimanapun, harga saham pulih sedikit pada 29 November 2024, ditutup pada 48.5 sen, dengan nilai syarikat dianggarkan RM2.42 bilion.

Menariknya, lima hari selepas pemfailan urus niaga pesawat korporat oleh DXN, salah satu pemegang saham utama iaitu Gano Global Supplements Pte Ltd, telah mengurangkan pegangan saham mereka dalam DXN kepada 8.79% dengan menjual pegangan saham sebanyak 4.5% melalui urus niaga secara langsung.

¹ Kenyataan media DXN bertarikh 6 November 2024, diakses melalui <https://www.dxn2u.com/investor-relations/mediarelease.php?mid=7>

Syarikat tidak mendedahkan harga jualan, tetapi data daripada Bloomberg menunjukkan bahawa pegangan 4.5% ini, yang merangkumi 223.77 juta saham, telah dijual pada harga 60 sen sesaham, menjadikan jumlah transaksi bernilai RM134.26 juta.²

Gano Global, syarikat khas pelaburan milik KV Asia Capital Pte Ltd, pada asalnya memperoleh 25.7% pegangan saham dalam DXN pada tahun 2017, menurut Laporan Tahunan DXN 2024.

Mungkin sebagai tindak balas kepada kekusaran dan rasa tidak puas hati yang semakin memuncak dalam kalangan pemegang saham, DXN mengeluarkan pengumuman baharu pada 15 November 2024 untuk menangani kebimbangan itu dengan memberikan penjelasan tambahan.

Dalam pemfailannya kepada Bursa, syarikat menjelaskan bahawa kadar sewaan sebanyak AS\$20,500 hingga AS\$22,000 untuk sejam penerbangan telah dipersetujui berdasarkan kajian penanda aras yang dijalankan oleh BDO Tax Services Sdn Bhd.

Berdasarkan sebut harga yang diperoleh daripada empat penyedia lain untuk penyewaan pesawat korporat model yang sama atau yang setanding dengannya (dari segi jarak penerbangan dan kapasiti penumpang), kadar sewaan ini berada dalam julat harga yang setanding iaitu antara AS\$17,800 hingga AS\$24,270 sejam.

Bagaimanapun, memandangkan sifat dan struktur transaksi ini, tidak hairan jika pemegang saham minoriti kekal skeptikal dan tidak yakin sama ada penyewaan pesawat korporat dengan pihak berkaitan benar-benar dapat meningkatkan perniagaan dan operasi syarikat di pasaran yang jauh. Tambahan pula, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan mungkin mengambil masa bertahun-tahun lagi untuk memenuhi janji mereka serta membuktikan hasil yang ketara. Hanya masa yang menentukan nasib DXN pada masa hadapan.

[TAMAT]

² *Substantial shareholder Gano Global trims stake in DXN*, The Edge Malaysia, diakses melalui <https://theedgemaalaysia.com/node/733560>

SOROTAN PENTING MSWG

MSWG INSPIRASIKAN PEMIMPIN MASA DEPAN MELALUI PROGRAM INVESTED SC MALAYSIA DI UTHM

Kampus Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Johor yang tenang bertukar meriah pada 14 November 2024 sempena Program investED anjuran Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (*Securities Commission Malaysia, SC*) dan *Securities Industry Development Corporation (SIDC)*. Program ini turut disertai oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) yang diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Dr. Ismet Yusoff.



Dalam sesi bersama pelajar, Dr. Ismet berkongsi pandangan beliau tentang dinamik pasaran modal. Berdasarkan pengalamannya, beliau menceritakan perjalanan kerjayanya dalam tadbir urus korporat dan aktivisme pemegang saham, dengan menawarkan pandangan dan pengajaran yang praktikal dan berguna.

Beliau turut mengetengahkan perkembangan terkini dalam pasaran modal, terutamanya kepentingan tadbir urus dan kemampanan yang semakin meningkat. Dr. Ismet menggalakkan pelajar untuk menyerlahkan potensi mereka dengan menyumbang secara bermakna kepada bidang ini. 'Anda mampu membawa perspektif baharu dan idea inovatif yang dapat membentuk masa depan pasaran modal,' tambah beliau lagi.

Sesi ini mencerminkan dedikasi MSWG dalam meningkatkan kesedaran dan menggalakkan bakat muda untuk meneroka peluang dalam pasaran modal. Program ini juga menyediakan platform untuk pelibatan yang bermakna antara pemimpin industri dengan generasi profesional masa depan.



Tinjauan Mingguan AGM/EGM MSWG untuk tempoh 2 hingga 6 Disember 2024

Berikut adalah AGM/ EGM syarikat-syarikat di bawah senarai pemantauan Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti (MSWG) pada minggu ini.

Ringkasan perkara penting disenaraikan di bawah, manakala butiran terperinci soalan yang diajukan kepada syarikat boleh didapati di laman sesawang MSWG di www.mswg.org.my

TINJAUAN RINGKAS

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
02.12.24 (Isnin) 09.30 pagi	Kim Teck Cheong Consolidated Berhad (AGM)	<p>Pendapatan KTC meningkat sebanyak 30% kepada RM946.3 juta pada tahun kewangan 2024, berikutan jualan yang lebih tinggi daripada segmen pengedaran barangan pakej pengguna serta sumbangan daripada segmen pengedaran produk telekomunikasi baharu.</p> <p>Bagaimanapun, keuntungan sebelum cukainya merosot sebanyak 26% kepada RM25.5 juta berikutan perbelanjaan jualan dan pengedaran yang lebih tinggi yang disebabkan oleh pelarasan gaji kakitangan serta pengembangan ke dalam bidang penyediaan perkhidmatan logistik.</p>
02.12.24 (Isnin) 10.00 pagi	Destini Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2024 merosot sebanyak 14% kepada RM159.33 juta, disebabkan oleh persekitaran ekonomi global yang mencabar. Namun begitu, Kumpulan berjaya memperoleh kontrak penting, yang menambah buku pesanannya kepada RM846.00 juta, menunjukkan keyakinan pasaran yang kukuh.</p> <p>Bagaimanapun, Kumpulan mencatatkan kerugian bersih sebanyak RM133.47 juta, terutamanya disebabkan oleh kos pembiayaan yang lebih tinggi serta caj rosot nilai sebanyak RM146.46 juta.</p>
02.12.24 (Isnin) 11.00 pagi	BCB Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM222.89 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023:</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>RM245.43 juta) dan mencapai keuntungan sebelum cukai sebanyak RM31.03 juta (tahun kewangan 2023: RM34.72 juta). Penyumbang utama kepada pendapatan Kumpulan ialah Broadleaf @ Home Tree di Kota Kemuning dan Bandar Putera Indah di Batu Pahat, Johor.</p>
<p>02.12.24 (Isnin) 11.00 pagi</p>	<p>Divfex Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2024 merosot kepada RM55.01 juta daripada RM76.42 juta pada tahun sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh pengebilan projek yang lebih rendah dalam segmen ICT. Hal ini disebabkan oleh kelewatan dalam penganugerahan dan pelaksanaan projek.</p> <p>Walaupun pendapatan menurun, Kumpulan mencapai keuntungan bersih yang lebih tinggi sebanyak RM7.78 juta, berbanding dengan RM7.41 juta pada tahun kewangan 2023. Peningkatan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh pengiktirafan aset cukai tertunda daripada kredit cukai yang tidak digunakan, yang berjumlah RM3.14 juta pada tahun tersebut.</p>
<p>02.12.24 (Isnin) 12.30 tengah hari</p>	<p>Divfex Berhad (EGM)</p>	<p>Kumpulan bercadang untuk mewujudkan Skim Opsyen Saham Pekerja (<i>Employees' Share Option Scheme, ESOS</i>) sehingga 15% daripada jumlah bilangan saham terbitannya untuk Pengarah dan kakitangan DFX serta anak syarikatnya yang layak.</p>
<p>03.12.24 (Selasa) 09.00 pagi</p>	<p>JF Technology Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan menyaksikan pendapatannya menyusut sebanyak 8% kepada RM41.6 juta pada tahun kewangan 2024 disebabkan oleh permintaan yang lebih perlahan untuk soket penghubung ujian. Malaysia dan China kekal sebagai pemacu pendapatan utamanya, masing-masing menyumbang 27.5% dan 37.8% kepada pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan 2024.</p> <p>Sementara itu, keuntungan sebelum cukainya menurun 46% kepada RM6.3 juta, disebabkan oleh peralihan dalam campuran produk, bahagian kerugian daripada syarikat</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		bersekutu serta rosot nilai ke atas aset tidak ketara.
03.12.24 (Selasa) 10.00 pagi	Jentayu Sustainables Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan berakhir 2024, pendapatan Kumpulan merosot kepada RM22.0 juta daripada RM42.6 juta, disebabkan oleh Projek Coara Marang yang sudah siap, yang menyumbang pendapatan sebanyak RM11.99 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>Kumpulan mencatatkan kerugian sebelum cukai sebanyak RM19.5 juta, disebabkan ketiadaan keuntungan tidak berulang seperti tahun sebelumnya yang berjumlah RM18.46 juta daripada pelupusan tanah.</p> <p>Secara keseluruhan, Kumpulan kekal optimistik terhadap keuntungannya pada masa hadapan, didorong oleh projek tenaga boleh dibaharui seperti Projek Young dan Projek Oriole.</p> <p>Pihak pengurusan menetapkan sasaran untuk mencapai keuntungan sebelum cukai berjumlah RM50 juta dan penjanaaan kapasiti sebanyak 350MW menjelang 2026.</p>
03.12.24 (Selasa) 10.00 pagi	Redtone Digital Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan melonjak 59.4% kepada RM342.2 juta pada tahun kewangan 2024, didorong oleh peningkatan prestasi dalam semua segmen.</p> <p>Segmen Perkhidmatan Telekomunikasi (<i>Telecommunications Services, TS</i>) tetap berkembang walaupun berdepan persaingan yang sengit. Segmen Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Terurus (<i>Managed Telecommunications Network Services, MTNS</i>) menyumbang 62% daripada jumlah pendapatan dengan memanfaatkan projek JENDELA.</p> <p>Segmen Pengkomputeran Awan dan Internet Benda (<i>Internet of Things, IoT</i>) turut menyaksikan pertumbuhan yang menggalakkan, sebahagian besarnya</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		berpunca daripada projek MyGovUC 3.0 dan menyumbang 5% daripada jumlah pendapatan Kumpulan. Kumpulan mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM83.2 juta, meningkat 10.9%, disumbangkan oleh prestasi yang kukuh dalam segmen MTNS dan TS.
03.12.24 (Selasa) 10.00 pagi	Velocity Capital Partners Berhad (AGM)	<p>Pendapatan Kumpulan mencatatkan peningkatan sebanyak 75% kepada RM65.8 juta pada tahun kewangan 2024, terutamanya disumbangkan oleh pertumbuhan yang tinggi dalam segmen pengangkutan dan logistik. Selain itu, ia mencatatkan keuntungan sebelum cukai sebanyak RM10.95 juta berbanding dengan kerugian sebelum cukai sebanyak RM26.5 juta setahun yang lalu.</p> <p>Kumpulan melepaskan sebuah pelaburan pada tahun kewangan 2024, yang menyebabkan pembalikan kerugian rosot nilai berjumlah RM8.25 juta. Di samping itu, disebabkan oleh kebolehpulihan penghutang lain, kerugian rosot nilai yang berjumlah RM2.87 juta telah dibalikkan pada tahun kewangan 2024.</p>
03.12.24 (Selasa) 10.30 pagi	A-Rank Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM713.9 juta pada tahun kewangan 2024; RM66.5 juta atau 10.3% lebih tinggi berbanding tahun kewangan sebelumnya. Peningkatan ini disumbangkan oleh peningkatan dalam volum perniagaan serta harga jualan purata berbanding tahun sebelumnya.</p> <p>Segmen Aluminium merupakan satu-satunya penyumbang pendapatan pada tahun kewangan 2024 kerana Segmen Hartanah masih dalam tahap perancangan projek di sepanjang tahun kewangan.</p> <p>Jualan eksport menyumbang 30.7% kepada jumlah pendapatan manakala bakinya diperoleh daripada pasaran tempatan, yang selaras dengan strategi Kumpulan untuk</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		mengekalkan kedudukan pasaran utamanya di Malaysia.
03.12.24 (Selasa) 11.00 pagi	Sersol Berhad (AGM)	Kumpulan melaporkan pendapatan sebanyak RM21.86 juta untuk tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 Jun 2024. Prestasinya masih kekal rugi dengan kerugian bersih sebanyak RM12.69 juta untuk tempoh kewangan berakhir 2024, terutamanya disebabkan oleh tekanan inflasi, harga komoditi yang lebih tinggi serta peningkatan dalam kos tenaga dan perbelanjaan operasi.
04.12.24 (Rabu) 10.00 pagi	Edaran Berhad (AGM)	Edaran mencatatkan pendapatan berjumlah RM106.5 juta pada tahun kewangan 2024 (tahun kewangan 2023: RM69.4 juta), pendapatan tertingginya dalam tempoh lima tahun. Walaupun terdapat peningkatan tahun ke tahun dalam perbelanjaan pentadbiran dan kos kewangan, Kumpulan mencatatkan keuntungan yang lebih tinggi pada tahun tersebut sebanyak RM3.1 juta (tahun kewangan 2023: RM2.0 juta)
05.12.24 (Khamis) 09.30 pagi	Excel Force MSC Berhad (AGM)	Berikutan perubahan dalam tahun kewangan, Kumpulan melaporkan pendapatan sebanyak RM29 juta dalam tempoh kewangan 12 bulan berakhir 2024, dengan segmen Penyedia Perkhidmatan Aplikasi (<i>Application Services Provider, ASP</i>) menyumbang 70% daripada jumlah pendapatannya. Prestasi segmen ASP dilonjakkan oleh volum dan nilai dagangan Bursa Malaysia, dengan 37 tawaran awam permulaan (<i>initial public offerings, IPO</i>) serta peningkatan 59% dalam purata nilai harian pada separuh pertama tahun 2024 berbanding dengan penghujung 2023. Sentimen ekonomi yang positif serta jangkaan pergerakan kadar faedah turut merangsang aktiviti perdagangan.
05.12.24 (Khamis) 09.30 pagi	Gamuda Berhad (AGM)	Gamuda mencatatkan pendapatan tahunan tertinggi yang pernah dicapai sebanyak RM15 bilion, mewakili peningkatan 63% daripada

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>tahun sebelumnya. Pendapatan pembinaan daripada luar negara meningkat dua kali ganda daripada RM3.5 bilion kepada RM9 bilion. Pertumbuhan pendapatan yang memberangsangkan ini sebahagian besarnya didorong oleh aktiviti bahagian pembinaan di Australia.</p> <p>Keuntungan bersih teras daripada perniagaan pembinaan dan hartanah meningkat 12% kepada RM912 juta daripada RM815 juta pada tahun lepas, didorong oleh peningkatan pendapatan pembinaan daripada luar negara serta pendapatan dan margin hartanah domestik yang lebih kukuh.</p>
<p>05.12.24 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>S & F Capital Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan mencatatkan peningkatan yang marginal, berjumlah RM82.4 juta pada tahun kewangan 2024 berbanding dengan RM81.8 juta pada tahun kewangan 2023. Peningkatan ini disumbangkan oleh aktiviti pembinaan Kumpulan yang masih berterusan.</p> <p>Bagaimanapun, keuntungan bersih Kumpulan adalah 44% lebih rendah daripada tahun sebelumnya iaitu RM1.4 juta, disebabkan oleh susut nilai ke atas perbelanjaan modal peralatan pembinaan berjumlah RM1.8 juta.</p> <p>Pendapatan lain lebih rendah, sebanyak RM900,000 (tahun kewangan 2023: RM1.2 juta) disebabkan oleh pelarasan hutang ragu yang dibuat pada tahun kewangan 2023.</p>
<p>05.12.24 (Khamis) 10.00 pagi</p>	<p>YTL Power International Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencapai peningkatan 68% dalam keuntungan bersih kepada RM3.41 bilion apabila pendapatannya meningkat kepada RM22.28 bilion berbanding dengan RM21.89 bilion pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Selaras dengan strategi pertumbuhan dan pengembangannya, Kumpulan memperoleh 53.19% kepentingan dalam Ranhill Utilities. Tinjauan prestasi Kumpulan kekal teguh dan mereka akan terus mengejar sasaran pertumbuhan dan pengembangannya. Pada</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		<p>masa yang sama Kumpulan turut menumpukan terhadap meningkatkan kecekapan operasi, mengurus jejak karbonnya secara bertanggungjawab serta memajukan laluan inovatif.</p>
<p>05.12.24 (Khamis) 10.30 pagi</p>	<p>Gamuda Berhad (EGM)</p>	<p>Gamuda berhasrat untuk mendapatkan kelulusan pemegang saham bagi Cadangan terbitan bonus sehingga 2.98 bilion berdasarkan satu Saham Bonus untuk setiap satu Saham Gamuda yang sedia ada. Cadangan itu dianggarkan selesai pada Disember 2024.</p>
<p>05.12.24 (Khamis) 10.30 pagi</p>	<p>Mlabs Systems Berhad (AGM)</p>	<p>Pendapatan Kumpulan meningkat sebanyak 18.8% tahun ke tahun kepada RM26.72 juta (tahun kewangan 2023: RM22.49 juta), sebahagian besarnya disumbangkan oleh jualan yang lebih tinggi daripada perniagaan jual beli yang berjumlah RM3.28 juta serta perniagaan teknologi maklumat dan komunikasi (<i>Information and Communication Technology, ICT</i>) dan teknologi kewangan (fintech) berjumlah RM0.64 juta.</p> <p>Walau bagaimanapun, kerugian bersihnya meningkat kepada RM18.35 juta berbanding dengan RM8.79 juta pada tahun kewangan 2023, terutamanya disebabkan oleh kerugian nilai saksama ke atas saham disebut harga berjumlah RM2.10 juta, rosot nilai ke atas penghutang perdagangan dan penghutang lain berjumlah RM1.93 juta serta kerugian rosot nilai ke atas aset tidak ketara sebanyak RM1.91 juta.</p>
<p>05.12.24 (Khamis) 01.00 petang</p>	<p>YTL Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM30.49 bilion pada tahun kewangan 2024, meningkat 3% berbanding dengan RM29.62 bilion pada tahun kewangan 2023.</p> <p>Keuntungan bersihnya meningkat 83% kepada RM3.88 bilion berbanding dengan RM2.12 bilion pada tahun sebelumnya. Keputusan yang lebih baik ini disumbangkan oleh peningkatan prestasi daripada semua</p>

Tarikh & Masa	Syarikat	Tinjauan ringkas
		segmen operasi Kumpulan, dengan peningkatan tertinggi dicatatkan oleh bahagian utiliti, simen dan perhotelan.
05.12.24 (Khamis) 03.30 petang	Malayan Cement Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan berjumlah RM4.45 bilion pada tahun kewangan 2024, menandakan peningkatan 18% tahun ke tahun. Keuntungan bersihnya mencecah RM647.5 juta, menunjukkan pertumbuhan 156% berbanding dengan tahun sebelumnya.</p> <p>Kemajuan yang berterusan ini didorong oleh penstabilan harga simen dan konkrit, di samping usaha berterusan untuk meningkatkan kecekapan operasi. Permintaan simen dijangka kekal positif, terutamanya dalam sektor awam dan bukan kediaman seperti infrastruktur, hab logistik, pusat data dan kemudahan industri.</p>

PERKARA PENTING

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
Kim Teck Cheong Consolidated Berhad (AGM)	<p>Walaupun mencatatkan peningkatan 30% dalam pendapatan pada tahun kewangan 2024, keuntungan sebelum cukai Kumpulan merosot 26% kepada RM25.5 juta. Keuntungan yang lebih rendah ini disebabkan oleh perbelanjaan jualan dan pengedaran yang lebih tinggi, yang disebabkan oleh kenaikan kos kakitangan berikutan pelarasan kakitangan baru-baru ini serta pengembangan Kumpulan ke dalam penyediaan perkhidmatan logistik, yang masih dalam proses menambah bilangan pelanggannya. (Halaman 11, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah peningkatan dalam perbelanjaan penjualan dan pengedaran yang disebabkan oleh pengembangan ke dalam perkhidmatan logistik? Bilakah Kumpulan menjangkakan perkhidmatan logistik akan mencatatkan keuntungan?</p> <p>b) Apakah pertumbuhan pendapatan yang disasarkan untuk pengedaran segmen Barangan Pakej Pengguna (<i>Consumer Package Goods</i>, CPG) pada tahun kewangan 2024? Kategori produk manakah yang akan menjadi pemacu utama pertumbuhan?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan																																								
	c) Berapakah yang dibelanjakan oleh Kumpulan untuk perbelanjaan modal pada tahun kewangan 2024? Berapakah perbelanjaan modal yang dibajetkan untuk tahun kewangan 2025?																																								
Destini Berhad (AGM)	<p>Jadual berikut menunjukkan pendapatan dan keuntungan bersih untuk setiap segmen perniagaan dalam Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2022 dan tempoh kewangan berakhir 2024.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Pendapatan (RM'juta)</th> <th>Tahun kewangan berakhir 2022 (12 bulan)</th> <th>Tempoh kewangan berakhir 2024 (18 bulan)</th> <th>Varians atau % Perubahan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penerbangan</td> <td>83.52</td> <td>60.71</td> <td>-27%</td> </tr> <tr> <td>Tenaga</td> <td>38.91</td> <td>40.69</td> <td>5%</td> </tr> <tr> <td>Mobiliti</td> <td>0</td> <td>0</td> <td>-</td> </tr> <tr> <td>Marin</td> <td>63.6</td> <td>56.39</td> <td>-11%</td> </tr> </tbody> </table> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Keuntungan/ Kerugian Segmen (RM'juta)</th> <th>Tahun kewangan berakhir 2022 (12 bulan)</th> <th>Tempoh kewangan berakhir 2024 (18 bulan)</th> <th>Komen</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Penerbangan</td> <td>-1.86</td> <td>-21.68</td> <td>Kerugian Bertambah</td> </tr> <tr> <td>Tenaga</td> <td>3.33</td> <td>-23.85</td> <td>Pusing Ganti Negatif</td> </tr> <tr> <td>Mobiliti</td> <td>-4.39</td> <td>-13.9</td> <td>Kerugian Bertambah</td> </tr> <tr> <td>Marin</td> <td>-50.18</td> <td>-2.04</td> <td>Kerugian Menurun</td> </tr> </tbody> </table> <p>a) Segmen penerbangan menghadapi kerugian yang lebih besar, baik dari segi pendapatan mahupun keuntungan bersih dalam tempoh kewangan berakhir 2024. Kerugian yang meningkat dalam tempoh kewangan berakhir 2024 adalah disebabkan oleh rosot nilai ke atas penghutang perdagangan berjumlah RM24.5 juta. (Sumber: Halaman 30, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>(i) Apakah punca utama di sebalik rosot nilai ke atas penghutang perdagangan ini? Berapa banyak daripada rosot nilai ini telah berjaya dipulihkan sehingga kini? Berapakah peratus daripada rosot nilai ini dijangka tidak dapat dipulihkan? Adakah rosot nilai dijangka meningkat pada masa hadapan?</p> <p>(ii) Segmen penerbangan berjaya mendapatkan dua kontrak baharu daripada MINDEF yang bernilai RM37.79 juta. Berikan butiran secara ringkas tentang nilai kontrak, skop kerja, tempoh kontrak, tarikh penganugerahan kontrak dan tarikh mula kerja.</p>	Pendapatan (RM'juta)	Tahun kewangan berakhir 2022 (12 bulan)	Tempoh kewangan berakhir 2024 (18 bulan)	Varians atau % Perubahan	Penerbangan	83.52	60.71	-27%	Tenaga	38.91	40.69	5%	Mobiliti	0	0	-	Marin	63.6	56.39	-11%	Keuntungan/ Kerugian Segmen (RM'juta)	Tahun kewangan berakhir 2022 (12 bulan)	Tempoh kewangan berakhir 2024 (18 bulan)	Komen	Penerbangan	-1.86	-21.68	Kerugian Bertambah	Tenaga	3.33	-23.85	Pusing Ganti Negatif	Mobiliti	-4.39	-13.9	Kerugian Bertambah	Marin	-50.18	-2.04	Kerugian Menurun
Pendapatan (RM'juta)	Tahun kewangan berakhir 2022 (12 bulan)	Tempoh kewangan berakhir 2024 (18 bulan)	Varians atau % Perubahan																																						
Penerbangan	83.52	60.71	-27%																																						
Tenaga	38.91	40.69	5%																																						
Mobiliti	0	0	-																																						
Marin	63.6	56.39	-11%																																						
Keuntungan/ Kerugian Segmen (RM'juta)	Tahun kewangan berakhir 2022 (12 bulan)	Tempoh kewangan berakhir 2024 (18 bulan)	Komen																																						
Penerbangan	-1.86	-21.68	Kerugian Bertambah																																						
Tenaga	3.33	-23.85	Pusing Ganti Negatif																																						
Mobiliti	-4.39	-13.9	Kerugian Bertambah																																						
Marin	-50.18	-2.04	Kerugian Menurun																																						

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>(iii) Apakah prospek segmen penerbangan pada tahun fiskal akan datang? Dapatkah segmen penerbangan meningkatkan pendapatan dan keuntungan bersihnya pada tahun hadapan?</p> <p>b) Walaupun terdapat peningkatan dalam pendapatan yang berpunca daripada aktiviti pelantar yang lebih tinggi dalam segmen tenaga, segmen perniagaan bertukar rugi pada tempoh kewangan berakhir 2024 walaupun tiada amaun yang dicatatkan untuk rosot nilai ke atas penghutang dan pelaburan. (Sumber: Halaman 31, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>(i) Sila sahkan jumlah rosot nilai ke atas penghutang dan pelaburan dalam segmen perniagaan ini yang menyebabkan pusing ganti negatif. Apakah yang menyebabkan penghutang dan pelaburan dirosot nilai? Berapakah jumlah yang telah dipulihkan setakat ini? Berapakah peratus yang dijangka tidak dapat dipulihkan? Adakah rosot nilai ini dijangka meningkat pada masa hadapan?</p> <p>(ii) Kumpulan menjangkakan peningkatan dalam penggunaan aset Destini Oil sewaktu AGM sebelum ini. Sila maklumkan kami berapakah peningkatan kadar penggunaan semasa untuk aset minyak dalam tempoh kewangan berakhir 2024 berbanding dengan tahun sebelumnya?</p> <p>(iii) Memandangkan Destini Oil turut mengambil bahagian dalam tender di Malaysia dan di peringkat antarabangsa, berapakah jumlah buku pesanan yang belum diselesaikan dan buku tender semasa untuk segmen perniagaan ini?</p> <p>c) Segmen mobiliti tidak mencatatkan sebarang jualan pada tahun kewangan berakhir 2022 dan tempoh kewangan berakhir 2024 kerana pelaksanaan kontrak hanya bermula pada separuh kedua 2023. Selain itu, segmen perniagaan mencatatkan kerugian yang lebih besar dalam tempoh kewangan berakhir 2024 berbanding tahun sebelumnya disebabkan oleh permulaan aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (<i>maintenance, repair and overhaul, MRO</i>) pada Disember 2023. (Sumber: Halaman 32, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>(i) Bagaimanapun, dalam AGM sebelum ini, Kumpulan menjangkakan keuntungan operasi daripada bahagian itu akan bermula pada 2024. Jangkaan ini dibuat selepas mengambil kira jadual perkhidmatan dan penghantaran aset yang dianugerahkan di bawah kontrak tersebut. Sila jelaskan mengapakah Kumpulan tidak dapat mengaut keuntungan</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan																																	
	<p>untuk bahagian itu seperti yang dijangkakan dalam AGM sebelum ini.</p> <p>(ii) Apakah trend pengiktirafan pendapatan untuk kontrak yang diperoleh bernilai RM531.4 juta dan RM163.6 juta di sepanjang tempoh kontrak? Adakah sumbangan pendapatan ini dijangka tidak berubah-ubah atau adakah ia menunjukkan trend yang menaik, seiring dengan kemajuan kontrak menuju ke arah penyiapannya?</p> <p>(iii) Adakah terdapat sebarang penambahan kepada buku tender atau buku pesanan semasa yang disasarkan untuk segmen perniagaan ini, selain daripada kontrak yang dinyatakan di atas?</p>																																	
BCB Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melaporkan kerugian atas penamatan pajakan sebanyak RM3.62 juta pada tahun kewangan 2024. Jumlah ini tiada pada tahun kewangan 2023. (Halaman 126, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Sila jelaskan mengapakah Kumpulan menamatkan pajakan, yang mengakibatkan kerugian besar sebanyak RM3.62 juta?</p> <p>b) Sila berikan butiran lanjut mengenai pajakan yang telah ditamatkan termasuk jenis pajakan, nilai pajakan serta tempoh pajakan sebelum tamat tempoh pajakan selepas penamatannya.</p>																																	
Divfex Berhad (AGM)	<p>Jualan komputer, perkakasan, perisian dan aksesori merosot dengan ketara daripada RM55.0 juta pada tahun kewangan berakhir 2023 kepada RM29.9 juta pada tahun kewangan berakhir 2024 (Sumber: Halaman 99, Laporan Tahunan 2024)</p> <table border="1" data-bbox="625 1433 1302 1798"> <thead> <tr> <th></th> <th colspan="2" style="text-align: center;">Group</th> </tr> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">2024</th> <th style="text-align: center;">2023</th> </tr> <tr> <th></th> <th style="text-align: center;">RM</th> <th style="text-align: center;">RM</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td colspan="3">Revenue from contracts with customers:</td> </tr> <tr> <td>Sales of computer, hardware, software and accessories</td> <td style="text-align: right;">29,869,890</td> <td style="text-align: right;">54,979,114</td> </tr> <tr> <td>Project management, consultancy, maintenance and software support services</td> <td style="text-align: right;">25,138,727</td> <td style="text-align: right;">21,201,135</td> </tr> <tr> <td>Sales of consumer goods</td> <td style="text-align: right;">152</td> <td style="text-align: right;">237,133</td> </tr> <tr> <td>Management services</td> <td style="text-align: center;">-</td> <td style="text-align: center;">-</td> </tr> <tr> <td>Dividend income</td> <td style="text-align: center;">-</td> <td style="text-align: center;">-</td> </tr> <tr> <td>Others</td> <td style="text-align: center;">-</td> <td style="text-align: right;">7,000</td> </tr> <tr> <td></td> <td style="text-align: right; border-top: 1px solid black;">55,008,769</td> <td style="text-align: right; border-top: 1px solid black;">76,424,382</td> </tr> </tbody> </table> <p>Apakah punca utama penurunan jualan komputer, perkakasan, perisian dan aksesori dalam tahun kewangan berakhir 2024? Adakah trend penurunan jualan ini dijangka berterusan pada tahun fiskal akan datang? Apakah perancangan strategik Kumpulan untuk menangani isu ini?</p>		Group			2024	2023		RM	RM	Revenue from contracts with customers:			Sales of computer, hardware, software and accessories	29,869,890	54,979,114	Project management, consultancy, maintenance and software support services	25,138,727	21,201,135	Sales of consumer goods	152	237,133	Management services	-	-	Dividend income	-	-	Others	-	7,000		55,008,769	76,424,382
	Group																																	
	2024	2023																																
	RM	RM																																
Revenue from contracts with customers:																																		
Sales of computer, hardware, software and accessories	29,869,890	54,979,114																																
Project management, consultancy, maintenance and software support services	25,138,727	21,201,135																																
Sales of consumer goods	152	237,133																																
Management services	-	-																																
Dividend income	-	-																																
Others	-	7,000																																
	55,008,769	76,424,382																																

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan																																				
JF Technology Berhad (AGM)	<p>Sumbangan yang lebih tinggi daripada bahagian produk antara muka ujian dan kemudahan pengilangan di Kunshan menyebabkan perubahan dalam sumbangan campuran produk Kumpulan memandangkan perniagaan-perniagaan ini masih menuju ke tahap optimum masing-masing. Hasilnya, margin keuntungan kasar (<i>gross profit margin</i>, GPM) Kumpulan menurun kepada 62.2% pada tahun kewangan 2024 daripada 66.2% setahun yang lalu. Sementara itu, sumbangan pendapatan dari Malaysia turun 24% kepada RM11.4 juta pada tahun kewangan 2024. (Halaman 10, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Sila berikan butiran lanjut tentang perubahan dalam campuran produk yang menjejaskan margin keuntungan kasar Kumpulan.</p> <p>b) Apakah garis masa yang dijangkakan untuk bahagian produk antara muka ujian dan kemudahan di Kunshan untuk mencapai tahap optimumnya?</p> <p>c) Apakah sebab utama penurunan 24% dalam pendapatan dari Malaysia pada tahun kewangan 2024?</p> <p>d) Apakah prospek operasi Malaysia pada tahun kewangan 2025?</p>																																				
Jentayu Sustainables Berhad (AGM)	<p>Jadual berikut menunjukkan sumbangan pendapatan untuk setiap segmen perniagaan Kumpulan.</p> <table border="1"> <thead> <tr> <th>Pendapatan (RM'000)</th> <th>TK2020</th> <th>TK2021</th> <th>TK2022</th> <th>TK2023</th> <th>TK2024</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Jual beli</td> <td>80,979</td> <td>22,874</td> <td>20,359</td> <td>13,264</td> <td>14,388</td> </tr> <tr> <td>Tenaga boleh dibaharui</td> <td></td> <td>6,385</td> <td>60,839</td> <td>11,996</td> <td>1,981</td> </tr> <tr> <td>Pembangunan hartanah dan lain-lain</td> <td>458</td> <td>958</td> <td>382</td> <td>10,480</td> <td>33</td> </tr> <tr> <td>Penjagaan kesihatan</td> <td></td> <td></td> <td>1,268</td> <td>6,901</td> <td>5,557</td> </tr> <tr> <td>Jumlah</td> <td>81,437</td> <td>30,217</td> <td>82,848</td> <td>42,641</td> <td>21,959</td> </tr> </tbody> </table> <p>TK – tahun kewangan</p> <p>a) Kumpulan telah memohon lanjutan daripada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sehingga 26 Mac 2025, untuk memuktamadkan pemerolehan tiga syarikat yang dicadangkan pada tahun 2021. Ini termasuklah Telekosang Hydro One Sdn Bhd dan Telekosang Hydro Two Sdn Bhd, yang mengendalikan loji kuasa hidro 40MW di Sabah dan Jentayu Solar Sdn Bhd, yang mengendalikan loji tenaga solar 5.99MW di Kedah. (Sumber: Pengumuman Bursa bertarikh 2 September 2024)</p>	Pendapatan (RM'000)	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024	Jual beli	80,979	22,874	20,359	13,264	14,388	Tenaga boleh dibaharui		6,385	60,839	11,996	1,981	Pembangunan hartanah dan lain-lain	458	958	382	10,480	33	Penjagaan kesihatan			1,268	6,901	5,557	Jumlah	81,437	30,217	82,848	42,641	21,959
Pendapatan (RM'000)	TK2020	TK2021	TK2022	TK2023	TK2024																																
Jual beli	80,979	22,874	20,359	13,264	14,388																																
Tenaga boleh dibaharui		6,385	60,839	11,996	1,981																																
Pembangunan hartanah dan lain-lain	458	958	382	10,480	33																																
Penjagaan kesihatan			1,268	6,901	5,557																																
Jumlah	81,437	30,217	82,848	42,641	21,959																																

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>(i) Sila berikan sebab utama untuk permohonan lanjutan ini.</p> <p>(ii) Adakah Kumpulan dapat memastikan kesemua pemerolehan ini diselesaikan sebelum tarikh akhir yang baharu? Atau adakah terdapat apa-apa cabaran atau halangan khusus yang akan menyebabkan Kumpulan memerlukan lebih masa? Sila jelaskan.</p> <p>(iii) Dari segi operasi, adakah Telekosang Hydro Two telah mencapai Tarikh Operasi Komersialnya pada akhir Disember 2023? Jika sudah, adakah ia berprestasi tinggi seperti Telekosang Hydro One?</p> <p>b) Project Oriole dijangka menjana pendapatan kira-kira RM270.0 juta setahun dan setakat 30 Jun 2024, Kumpulan telah melaburkan RM81.2 juta dalam projek itu. (Sumber: Halaman 15-1, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>(i) Adakah Project Oriole berada di landasan untuk memenuhi Tarikh Operasi Komersialnya yang disasarkan pada Disember 2028?</p> <p>(ii) Berapakah keuntungan selepas cukai tahunan yang dijangka untuk projek ini?</p> <p>c) Segmen penjagaan kesihatan muncul sebagai segmen kedua paling banyak menyumbang kepada pendapatan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2024 dengan sumbangan 25%. Bagaimanapun, segmen itu masih menghadapi kerugian yang lebih besar pada tahun kewangan 2024 iaitu sebanyak RM2.8 juta berbanding dengan kerugian sebanyak RM1.1 juta pada tahun kewangan 2023.</p> <p>(i) Adakah kadar penggunaan semasa untuk Hospital Pakar Ohana sudah meningkat daripada 20% pada suku pertama tahun kewangan berakhir 2024? Berapakah pendapatan bulanan hospital itu sekarang?</p> <p>(ii) Apakah garis masa dalaman Kumpulan untuk mencapai penggunaan 60% atau pendapatan bulanan sebanyak RM1.5 juta sebelum segmen perniagaan itu mengalami pengembangan dengan memperkenalkan Nurseri Penjagaan Khas untuk bayi baru lahir serta disiplin klinikal tambahan?</p>
Redtone Digital Berhad (AGM)	Pada AGM ke-21, lembaga pengarah dan pihak pengurusan ada menyatakan bahawa penyiapan projek Pemberian Perkhidmatan Sejagat (<i>Universal Service Provision, USP</i>) di bawah segmen Perkhidmatan Rangkaian Telekomunikasi Terurus (<i>Managed Telecommunications</i>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p><i>Network Services, MTNS</i>) akan menjana pendapatan berulang dalam tempoh operasi.</p> <p>a) Adakah projek USP telah disiapkan pada Jun 2024? Jika ya, berapakah jumlah pendapatan berulang yang dijangkakan dalam tempoh operasinya?</p> <p>b) Setakat 30 September 2023, buku pesanan untuk projek MTNS yang masih berterusan berjumlah kira-kira RM698 juta. Adakah terdapat sebarang pertambahan dalam buku pesanan ini sepanjang tahun lalu? Jika ada, berapakah jumlahnya? Adakah terdapat sebarang kontrak baharu yang dijangka akan ditambah dalam masa terdekat?</p>
Velocity Capital Partners Berhad (AGM)	<p>Penghutang pembiayaan bercagar yang berjumlah RM220.7 juta pada 30 Jun 2024 telah dicagar sepenuhnya ke atas hartanah dan saham yang disebut harga di Bursa Malaysia Securities Berhad dan tertakluk pada faedah 4% hingga 7%. (Halaman 98 dan 100, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah bahagian daripada penghutang pembiayaan bercagar yang berjumlah RM220.7 juta ini disokong oleh hartanah berbanding saham?</p> <p>b) Sila senaraikan nama saham yang disebut harga berserta nilai masing-masing pada 30 Jun 2024.</p> <p>c) Adakah kadar faedah ke atas penghutang pembiayaan ini mencukupi untuk menjana pulangan pelaburan yang memuaskan, selepas mempertimbangkan cagarannya serta risiko yang berkaitan?</p> <p>d) Berapa kerapkah aset yang dijadikan sandaran ini (hartanah dan saham disebut harga) dinilai semula untuk menggambarkan keadaan pasaran?</p>
A-Rank Berhad (AGM)	<p>Jumlah terhutang kepada pihak berkaitan meningkat sebanyak 46% kepada RM27.37 juta daripada RM18.74 juta pada tahun sebelumnya.</p> <p>a) Jumlah bukan dagangan yang terhutang kepada pihak berkaitan mewakili pendahuluan dan pembayaran yang dibuat bagi pihak Syarikat.</p> <p>(i) Siapakah pihak berkaitan yang membuat pendahuluan dan pembayaran ini bagi pihak A-Rank?</p> <p>(ii) Mengapakah pihak berkaitan itu memberikan sokongan kewangan yang dimaksudkan?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>(iii) Apakah sifat dan tujuan pendahuluan dan pembayaran ini?</p> <p>(iv) Apakah faktor yang menyumbang kepada peningkatan ketara dalam jumlah terhutang kepada pihak berkaitan pada tahun kewangan 2024?</p> <p>b) Pada masa yang sama, kadar faedah ke atas jumlah yang perlu dibayar meningkat kepada 4.2% daripada 2.9% pada tahun sebelumnya (Halaman 124, Nota 16 – Pemiutang perdagangan dan lain-lain, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>Akibatnya, perbelanjaan faedah ke atas jumlah terhutang kepada pihak berkaitan meningkat lebih daripada sekali ganda, berjumlah RM942,178 berbanding dengan RM429,356 sebelum ini (Halaman 131, Nota 22 – Kos kewangan, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>(i) Mengapakah jumlah yang perlu dibayar ini dikenakan kadar faedah yang lebih tinggi?</p> <p>(ii) Apakah prosedur yang dilaksanakan oleh Jawatankuasa Audit untuk menyemak dan menilai kesaksamaan dan kemunasabahan kadar faedah yang dikenakan?</p> <p>(iii) Bagaimanakah Jawatankuasa Audit memastikan bahawa urusan niaga ini dijalankan mengikut syarat komersil biasa, antara dua pihak yang tidak berkaitan serta tidak memudaratkan kepentingan pemegang saham minoriti?</p>
Sersol Berhad (AGM)	<p><i>'Kumpulan akan terus memberikan tumpuan kepada pertumbuhan dalam segmen perniagaan terasnya dan kekal teguh dalam melaksanakan strategi pengoptimuman kos dan penetapan harga untuk produknya bagi mengekalkan daya saing dalam pasaran.'</i> (Halaman 5, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>Syarikat membelanjakan RM11.79 juta untuk pembelian pelaburan lain dalam tempoh kewangan 18 bulan berakhir 30 Jun 2024. (Penyata Aliran Tunai)</p> <p>a) Sila huraikan rasional strategik di sebalik pembelian pelaburan lain berjumlah RM11.79 juta?</p> <p>b) Bagaimanakah pelaburan tersebut dapat diselaraskan dengan objektif Kumpulan untuk memberikan tumpuan kepada pertumbuhan dalam segmen perniagaan terasnya?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>c) Apakah ketekunan wajar yang dilaksanakan sebelum membuat pelaburan ini dan apakah pulangan atau faedah yang dijangkakan daripada peruntukan ini?</p>
Edaran Berhad (AGM)	<p>Pada tahun kewangan 2024, EDARAN memperoleh beberapa projek besar daripada Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM), dsb. (Halaman 22, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>a) Dengan merangkumkan projek yang diperoleh pada tahun kewangan 2024, apakah jumlah nilai kontrak semasa yang diperoleh Kumpulan? Berapa lamakah kontrak-kontrak ini dapat bertahan?</p> <p>b) Kumpulan sedang giat meneruskan projek untuk meluaskan pelibatangannya dalam keselamatan siber, pergudangan data dan analisis data. Pada masa yang sama mereka terus menerus mendapatkan projek yang memanfaatkan kekuatan sedia ada, seperti menyelenggara infrastruktur pusat data MAMPU dan penyewaaan komputer peribadi untuk KPM (Halaman 22, Laporan Tahunan 2024).</p> <p>(i) Berapakah jumlah nilai projek yang sedang cuba diperoleh secara aktif oleh Kumpulan? Berapakah nilai kontrak yang dijangka akan dianugerahkan kepada Kumpulan?</p> <p>(ii) Apakah kadar kejayaan Kumpulan dalam usaha untuk mendapatkan projek?</p>
Excel Force MSC Berhad (AGM)	<p>Kumpulan melancarkan tiga produk baharu iaitu <i>'eForce EmPower,'</i> <i>'eForce Interactive X-Chart,'</i> dan <i>'eForce One.'</i> <i>'EForce Interactive X-Chart'</i> tersedia untuk langganan melalui laman sesawang di bawah jenama <i>'X-Chart on Xifu'</i>. (Sumber: Halaman 15, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) <i>'eForce Interactive X-Chart,'</i> telah dilancarkan pada tahun kewangan berakhir 2023 tetapi tidak menyumbang kepada keuntungan Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2023. Apakah prestasi semasa produk ini? Adakah ia menyumbang kepada prestasi pendapatan dan keuntungan Kumpulan dalam tempoh kewangan berakhir 2024? Jika tidak, apakah sebabnya, memandangkan produk tersebut telah dilancarkan pada dua tahun lepas?</p> <p>b) Apakah kadar pengambilan semasa untuk produk yang baru dilancarkan iaitu <i>'eForce EmPower,'</i> dan <i>'eForce One'</i>? Apakah keunikan produk ini jika dibandingkan dengan produk lain yang</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>ditawarkan oleh pesaing? Apakah jangkaan pertumbuhan kewangan daripada dua inovasi baharu ini kepada Kumpulan pada tahun kewangan berakhir 2025? Adakah terdapat sebarang unjuran untuk pertumbuhan bahagian pasarannya?</p>
Gamuda Berhad (AGM)	<p>Kumpulan mencatatkan pendapatan tahunan tertinggi yang pernah direkodkan sebanyak RM15 bilion, mewakili peningkatan 63% daripada tahun sebelumnya, dengan pendapatan pembinaan luar negara meningkat dua kali ganda daripada RM3.5 bilion kepada RM9 bilion. (Halaman 32, Laporan Bersepadu 2024). Bagaimanapun, margin keuntungan bersih adalah lebih rendah berbanding dengan tahun sebelumnya.</p> <p>a) Apakah faktor utama yang menyumbang kepada margin keuntungan bersih yang lebih rendah dalam bahagian hartanah luar negara dan bahagian pembinaan tempatan?</p> <p>b) Walaupun bahagian pembinaan di luar negara sebagai penyumbang pendapatan utama Kumpulan, mencapai peningkatan yang sedikit dalam margin keuntungan bersihnya kepada 3.5%, apakah strategi yang disediakan oleh Kumpulan untuk meningkatkan lagi margin ini? Adakah projek luar negara yang baru diperolehi dijangka menghasilkan margin keuntungan yang lebih baik pada tahun akan datang?</p>
S & F Capital Berhad (AGM)	<p>1. <u>Buku pesanan</u></p> <p>a) Apakah buku pesanan semasa Kumpulan yang masih belum diselesaikan? Berapa lamakah buku pesanan ini dapat bertahan?</p> <p>b) Apakah sasaran penambahan buku pesanan Kumpulan dalam tempoh dua tahun kewangan akan datang?</p>
YTL Power International Berhad (AGM)	<p>Melihat dari sudut pertumbuhan organik, YTL PowerSeraya telah dianugerahkan hak untuk membina, memiliki dan mengendalikan satu unit turbin gas kitaran gabungan sedia hidrogen berkapasiti 600 megawatt. Loji baharu itu sekurang-kurangnya 30% isipadu sedia hidrogen, dengan keupayaan untuk dipasang semula menjadi 100% sedia hidrogen apabila beroperasi. (Halaman 6, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah jumlah nilai kontrak tersebut?</p> <p>b) Bilakah unit turbin ini dijangka beroperasi? Berapa lamakah YTL PowerSeraya diberikan hak untuk beroperasi?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>c) Bilakah Syarikat menjangkakan untuk memasang semula unit turbin ini menjadi 100% sedia hidrogen apabila beroperasi?</p>
<p>MI Labs Systems Berhad (AGM)</p>	<p>Aset semasa Kumpulan meningkat sebanyak 9.9%, daripada RM78.34 juta kepada RM86.06 juta. Pertumbuhan ini sebahagian besarnya didorong oleh peningkatan ketara dalam penghutang perdagangan dalam segmen ICT dan pemfaktoran dagangan, serta peningkatan dalam inventori untuk segmen dagangan, mencerminkan prestasi yang teguh dalam bidang ini pada tahun ini. (Halaman 16, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Penghutang perdagangan Kumpulan berjumlah RM23.58 juta (tahun kewangan berakhir 2023: RM11.98 juta) (Nota 14, halaman 111, Laporan Tahunan 2024). Berapakah jumlah penghutang perdagangan Kumpulan telah berjaya dikutip setakat ini?</p> <p>b) Daripada segmen perniagaan Kumpulan yang manakah sebahagian besar penghutang perdagangan yang masih belum dijelaskan setakat ini?</p>
<p>YTL Corporation Berhad (AGM)</p>	<p>1. Kerja-kerja pembinaan sambungan rel elektrik Gemas-Johor Bahru sedang dalam fasa akhir dan diteruskan mengikut jadual sepanjang tahun kewangan dalam tinjauan. Syarikat Pembinaan Yeoh Tiong Lay Sdn Bhd (SPYTL), bersama-sama rakan usaha samanya, SIPP Rail Sdn Bhd, telah dilantik sebagai subkontraktor tempatan untuk melaksanakan reka bentuk, pembinaan, pembekalan, pemasangan, penyiapan, pengujian, pentauliahan dan penyelenggaraan untuk projek landasan berkembar elektrik dari Gemas ke Johor Bahru. (Halaman 24, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah jumlah nilai kontrak tersebut? Bilakah projek ini dijangka siap dan ditauliahkan?</p> <p>b) Apakah tempoh hak penyelenggaraan yang diberikan kepada SIPP Rail Sdn Bhd?</p> <p>2. Walaupun menghadapi cabaran dalam ekonomi, pertumbuhan berterusan dalam sektor pembinaan menandakan daya tahan serta kapasitinya untuk menyumbang secara positif kepada landskap ekonomi yang lebih luas. Bahagian pembinaan akan meneruskan strategi proaktifnya bagi memastikan kerja-kerja pembinaan berada di landasan yang betul dan untuk menambah buku pesannya. (Halaman 36, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Berapakah jumlah buku pesanan yang masih belum diselesaikan dan berapa lamakah ia dijangka dapat bertahan?</p>

Syarikat	Perkara/ Isu untuk Diajukan
	<p>b) Berapakah jumlah bidaan yang diserahkan untuk kerja-kerja pembinaan pada tahun kewangan 2024? Apakah kadar kejayaan yang dijangkakan?</p>
<p>Malayan Cement Berhad</p>	<p>Pelancaran rangkaian produk ECO Kumpulan yang terdiri daripada ECOcem™, ECOConcrete™, ECODrymix™, dan ECOSand™, adalah tepat pada masanya dan mendapat sambutan yang menggalakkan. Di bawah tawaran ECOcem, Syarikat amat berbangga dengan rangkaian MASCRETE®nya, yang telah dipilih dan digunakan dalam pelbagai projek ikonik di seluruh negara. (Halaman 11, Laporan Tahunan 2024)</p> <p>a) Adakah Kumpulan mempunyai pesaing yang mengeluarkan simen mesra alam yang serupa dengan ECOcem™? Jika ada, apakah bahagian pasaran domestik Kumpulan?</p> <p>b) Berapakah peratus daripada jumlah pengeluaran simen Kumpulan yang membentuk ECOcem™ berbanding simen konvensional? Memandangkan penerimaannya yang positif, adakah Kumpulan merancang untuk meningkatkan pengeluaran ECOcem™? Adakah terdapat sebarang cabaran atau isu yang berkaitan dalam usaha meningkatkan pengeluarannya?</p>

PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diiputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas bergantung kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.